



PERMODALAN DARUL TA'ZIM SDN. BHD. (327525-V)

Syarikat Milik Penuh Kerajaan Negeri Johor

No.44, Jalan Padi Emas 1/2, Uda Business Centre, Bandar Baru Uda,
81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia

Tel : +607-239 6567/6568/6570 | Faks : +607-239 6574 | Email : general@pdt.com.my

www.pdt.com.my

POLISI

ANTIRASUAH DAN PENGUBAHAN WANG HARAM

SEKTOR UNDANG-UNDANG, KESETIAUSAHAAN DAN INTEGRITI (LSI)

No. Dokumen : PDT.LSI.IGD.600-3/2/2
(Pindaan No. 2.0) 2023

Disediakan Oleh	Disemak Oleh	Disahkan Oleh
MUHAMMAD NUR SADIQIN BIN MOHD KHUSNI Pegawai Integriti & Governans	MOHD FIRDAUS BIN ABD SAMAD Ketua Pegawai Integriti & Governans	DATO' ISHAK BIN SAHARI Pengerusi Jawatankuasa Audit & Integriti

Maklumat yang terkandung dalam Polisi dan Prosedur Operasi Standard / 'Standard Operation Procedure' ini adalah hak terpelihara Sektor Undang-undang, Kesetiausahaan dan Integriti, Permodalan Darul Ta'zim. Dokumen ini tidak boleh diedarkan, dipetik, atau diterbitkan semula tanpa persetujuan bertulis.



POLISI ANTIRASUAH DAN PENGUBAHAN WANG HARAM	
No. Dokumen : PDT.LSI.IGD.600-3/2/3	Isu No. : Versi 2.0
Tarikh Kuatkuasa : 01/01/2024	Mukasurat 2 / 20

MAKLUMAT PINDAAN DOKUMEN

1.0 PENGENALAN

Polisi ini dirangka sebagai satu usaha dalam memerangi jenayah rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan, pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan atau aktiviti haram di peringkat PDT dan Anak Syarikat Kumpulan PDT.

2.0 SKOP

- 2.1 Polisi ini terpakai ke atas Kakitangan Syarikat (sama ada tetap, kontrak atau sementara) tanpa ada sebarang pengecualian.
- 2.2 Polisi ini juga turut terpakai ke atas konsultan, kontraktor, pelajar latihan industri, kakitangan pinjaman, kakitangan kontrak untuk perkhidmatan, ejen atau mana-mana pihak yang dilantik oleh Syarikat dan pihak-pihak lain yang berurusan dengan Syarikat.

3.0 DEFINISI

TERMA	DEFINISI
Akta	<p>: a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 / <i>Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009</i> (Akta 694) (dan mana-mana pindaan yang diluluskan ke atasnya).</p> <p>b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 / <i>Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001</i> (Akta 613) (dan mana-mana pindaan yang diluluskan ke atasnya).</p>

Jawatankuasa Audit & Integriti PDT (JAI)	: Sebuah Jawatankuasa Bebas yang memantau pelaksanaan fungsi teras Jabatan Integriti & Governans PDT (IGD PDT) dan membantu Lembaga Pengarah mengawal selia perihal integriti serta audit di peringkat Syarikat.
Kakitangan	: Kakitangan Permodalan Darul Ta'zim Sdn Bhd dan Anak Syarikat Permodalan Darul Ta'zim Sdn Bhd.
Ketua Pegawai Integriti / <i>Chief Integrity and Governance Officer</i> (CIGO)	: Timbalan Presiden Undang-undang, Kesetiausahaan & Integriti (TPLSI) semasa atau mana-mana pegawai yang telah diturunkan kuasa oleh TPLSI secara bertulis. Ketua Integriti mempunyai tanggungjawab untuk melapor secara terus kepada Jawatankuasa Audit & Integriti berkenaan perihal berkaitan integriti.
Pengubahan Wang Haram	: Suatu proses menukarkan perolehan yang dijana daripada kegiatan haram bertujuan untuk memberi suatu penampilan yang sah di sisi undang-undang. Ia adalah suatu proses membersihkan wang haram untuk menyembunyikan sumber asalnya.
Polisi	: Polisi Antirasuah Dan Pengubahan Wang Haram.
Rasuah	: Memberi atau menawarkan, menerima atau meminta atau setuju untuk menerima atau meminta suapan secara langsung atau tidak langsung sebagai dorongan atau upah untuk melakukan atau tidak melakukan perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi.
Suapan	: a) Wang, derma, pinjaman, fi, hadiah, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, iaitu apa-apa jenis harta, sama ada alih

	<p>atau tak alih, faedah kewangan, atau apa-apa manfaat seumpama itu yang lain;</p> <ul style="list-style-type: none"> b) Apa-apa jawatan, kebesaran, pekerjaan, kontrak pekerjaan atau perkhidmatan, dan apa-apa perjanjian untuk memberikan pekerjaan atau memberikan perkhidmatan ke atas apa-apa sifat; c) Apa-apa bayaran, pelepasan, penunaian atau penyelesaian apa-apa pinjaman, obligasi atau liabiliti lain, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya; d) Apa-apa jenis balasan berharga, apa-apa diskaun, komisen, rebat, bonus, potongan atau peratusan; e) Apa-apa perubahan menahan diri daripada menuntut apa-apa wang atau nilai wang atau benda berharga; f) Apa-apa jenis perkhidmatan atau pertolongan lain, termasuk perlindungan daripada apa-apa penalti atau ketidakupayaan yang dikenakan atau yang dikhuatiri atau daripada apa-apa tindakan atau prosiding yang bersifat tatatertib, sivil atau jenayah, sama ada atau tidak sudah dimulakan, dan termasuk penggunaan atau menahan diri daripada menggunakan apa-apa hak atau apa-apa kuasa atau kewajipan rasmi; dan g) Apa-apa tawaran, aku janji atau janji, sama ada bersyarat atau tidak bersyarat, untuk memberikan suapan mengikut pengertian mana-mana perenggan (a) hingga (f).
--	---

Syarikat	:	Permodalan Darul Ta'zim Sdn Bhd dan Anak Syarikat Kumpulan Permodalan Darul Ta'zim Sdn Bhd.
----------	---	---

4.0 PERNYATAAN POLISI ANTIRASUAH DAN PENGUBAHAN WANG HARAM

4.1 ANTIRASUAH

Syarikat mensasarkan prinsip "Rasuan Sifar" dan "Pembudayaan Integriti" dalam menjalankan perniagaan harian. Bagi mencapai objektif tersebut, Syarikat menekankan aspek-aspek berikut:-

- a) Dasar, Perundangan dan Peraturan
 - i. Memahami dan mematuhi undang-undang, peraturan dan lain-lain arahan berkaitan antirasuah yang berkuasa.
 - ii. Menerapkan elemen antirasuah dalam penggubalan dasar bagi meningkatkan kawalan dalaman terhadap kelemahan governans dan pelanggaran integriti.

b) Sistem dan Prosedur Kerja

Mengenal pasti, mengkaji kelemahan dan menambahbaik sistem dan prosedur kerja yang boleh membuka ruang dan peluang kepada perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan.

c) Pengukuhan Governans dan Integriti

Menyemai, mendidik dan membudayakan integriti serta memperkuuhkan governans dalam penyampaian perkhidmatan.

d) Pengesanan, Pematuhan, Punitif dan Pemulihan

- i. Memperkasa dan menyebarkan mekanisme pelaporan perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan.
- ii. Memastikan pematuhan kepada peraturan, mengambil tindakan punitif terhadap perlanggaran tatakelakuan dan melaksanakan usaha pemulihan.

e) Fungsi Teras Unit Integriti dan Governans

IGD PDT berperanan untuk membudayakan prinsip mencegah dan menolak rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan di dalam syarikat berlandaskan Empat (4) fungsi teras iaitu:

- i. Pengurusan Aduan;
- ii. Pengesanan dan Pengesahan;
- iii. Pengukuhan Integriti; dan
- iv. Governans.

4.2 PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM

- a) Syarikat mengamalkan toleransi sifar terhadap aktiviti pengubahan wang haram dan pembentukan keganasan atau aktiviti haram yang berlaku dalam Syarikat. Sebarang transaksi pembelian atau pelaburan dengan menggunakan hasil rasuah merupakan jenayah pengubahan wang haram di bawah Akta 613.

- b) Kesalahan Pengubahan Wang Haram berlaku apabila Syarikat / individu:
- i. Terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam transaksi yang melibatkan hasil daripada aktiviti haram;
 - ii. Memperoleh, menerima, memiliki, menyamar, memindahkan, mengubah, menukar, membawa, melupuskan atau menggunakan hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan;
 - iii. Membuang dari atau membawa masuk ke Malaysia, hasil aktiviti yang tidak sah, menyembunyikan, menyamar; dan
 - iv. merahsiakan, menyembunyikan atau menghalang pemastian sifat sebenar, sumber, lokasi, pergerakan, pelupusan, hakmilik, hak berkenaan dengan, atau pemunyaan, hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan.
- c) Mana-mana orang tersebut dianggap melakukan kesalahan-kesalahan di Perkara 4.2(b) jika:
- i. Orang itu tahu, mempunyai sebab untuk mempercayai atau mempunyai syak yang munasabah bahawa harta itu ialah hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan; atau
 - ii. Orang itu tanpa alasan yang munasabah tidak mengambil langkah yang munasabah untuk menentukan sama ada atau tidak harta itu ialah hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan

d) Kesalahan Membayai Keganasan berlaku bila mana:

- i. Mana-mana orang, dengan apa-apa cara, secara langsung atau tidak langsung, menyediakan atau mengumpul atau mengadakan mana-mana harta yang dimaksudkan, mempunyai pengetahuan atau mempunyai alasan munasabah untuk mempercayai bahawa harta itu akan digunakan, sepenuhnya atau sebahagian darinya, untuk melakukan tindakan keganasan.
- ii. Mana-mana orang, secara langsung atau tidak langsung, menyediakan atau mengadakan khidmat kewangan atau kemudahan dengan tujuan khidmat dan kemudahan digunakan, atau mempunyai pengetahuan atau mempunyai alasan munasabah untuk mempercayai bahawa khidmat dan kemudahan akan digunakan, sepenuhnya atau sebahagian darinya untuk tujuan melakukan atau membantu untuk melakukan perbuatan keganasan, atau bertujuan untuk memberi faedah mana-mana orang yang melakukan atau membantu perbuatan keganasan.
- iii. Mana-mana orang mempunyai pengetahuan atau mempunyai alasan munasabah untuk mempercayai bahawa, secara keseluruhannya atau sebahagiannya, perkhidmatan atau kemudahan akan digunakan mana-mana pengganas, entiti pengganas atau kumpulan pengganas.
- iv. Mana-mana orang dengan pengetahuan memasuki suatu susun atur dengan kemudahan diperolehi, pembendungan atau kawalan oleh atau bagi pihak orang lain berkaitan harta pengganas dengan menyembunyikan, dengan menggerakkan keluar dari bidang kuasa, dengan memindahkan kepada nomini atau dengan cara-cara lain.

- v. Mana-mana orang dengan pengetahuan berurusniaga, secara langsung atau tidak langsung, dalam mana-mana harta pengganas seperti mendapatkan atau memiliki mana-mana harta pengganas, memasuki atau memudahkan, secara langsung atau tidak langsung, mana-mana harta pengganas, menukar atau menyembunyikan atau penyamaran harta pengganas, atau menyediakan sebarang kewangan atau perkhidmatan lain berkaitan mana-mana harta pengganas kepada atau untuk manfaat atau menurut arahan atau perintah, mana-mana pengganas, entiti pengganas atau kumpulan pengganas.

- e) Hasil daripada aktiviti haram pula ditafsirkan bila mana harta atau apa-apa kelebihan ekonomi atau keuntungan ekonomi daripada harta itu, di dalam atau di luar Malaysia yang keseluruhannya atau sebahagiannya:
 - i. Diperolehi atau didapati secara langsung atau tidak langsung, oleh mana-mana orang daripada aktiviti haram; atau
 - ii. Diperolehi atau didapati daripada pelupusan atau urusan lain dengan harta tersebut; atau
 - iii. Diperolehi dengan menggunakan harta yang diperolehi atau didapati oleh mana-mana orang melalui mana-mana pelupusan atau urusan lain seperti yang disebutkan di atas; atau
 - iv. Disebabkan oleh apa-apa hal keadaan seperti sifat, nilai, lokasi atau tempat penemuannya, atau masa, cara atau tempat pemerolehannya, atau orang yang daripadanya harta itu diperoleh, atau perkaitannya dengan harta lain yang disebut di atas, boleh dengan munasabahnya dipercayai adalah harta yang

termasuk di dalam ruang lingkup hasil daripada aktiviti haram.

f) Penilaian Risiko

- i. Kakitangan hendaklah peka dan bertanggungjawab untuk melaporkan sebarang risiko aktiviti pengubahan wang haram serta memaklumkan apa-apa transaksi yang mencurigakan kepada CIGO untuk tindakan pengesanan dan pengesahan lanjut.

5.0 PERLAKUAN BERUNSUR DAN BERPOTENSI RASUAH

Terma	Ciri-ciri
<i>Transactive</i>	: Persetujuan untuk memberi dan menerima suapan.
<i>Extortive</i>	: Ugutan dengan tujuan untuk tidak mengambil tindakan.
<i>Defensive</i>	: Bayaran dengan tujuan mendapatkan perlindungan.
<i>Investive</i>	: Bayaran untuk menjamin balasan / habuan pada masa akan datang.
<i>Nepotisme</i>	: Penyalahgunaan kuasa dan kedudukan untuk kepentingan peribadi / saudara (keluarga) / sekutu.
<i>Autogenic</i>	: Perlakuan rasuah yang telah menjadi amalan dan budaya dalam organisasi.
<i>Supportive</i>	: Penempatan proksi / kroni di tempat strategik dalam organisasi.

6.0 KESALAHAN - KESALAHAN RASUAH DI BAWAH PERUNTUKAN AKTA SPRM 2009 (AKTA 694)

Seksyen	Kesalahan
Seksyen 16	<p>: a) Secara rasuah, meminta / menerima / bersetuju untuk menerima bagi dirinya atau orang lain apa-apa suapan sebagai dorongan untuk melakukan / tidak melakukan sesuatu.</p> <p>b) Secara rasuah, memberikan, menjanjikan atau menawarkan kepada orang lain apa-apa suapan sebagai dorongan untuk melakukan / tidak melakukan sesuatu.</p>
Seksyen 17	<p>: a) Seorang ejen, secara rasuah, bersetuju menerima atau memperoleh apa-apa suapan sebagai dorongan untuk melakukan / tidak melakukan sesuatu berhubungan dengan hal ehwal prinsipalnya.</p> <p>b) Seorang ejen, memberikan / bersetuju memberikan / menawarkan apa-apa suapan untuk mendorong orang lain melakukan atau tidak melakukan sesuatu berhubungan dengan hal ehwal prinsipalnya.</p>
Sekyen 17A	<p>: Pihak berkaitan dengan organisasi komersil, secara rasuah, memberi, bersetuju untuk memberi, berjanji atau menawarkan kepada mana-mana orang sebarang suapan.</p>
Seksyen 18	<p>: Memberi / menggunakan, dengan niat memperdayakan prinsipalnya, apa-apa resit, akaun atau dokumen lain yang prinsipalnya mempunyai kepentingan dan dia mempunyai sebab untuk mempercayai mengandungi apa-apa pernyataan</p>

	yang palsu atau silap tentang apa-apa butir untuk mengelirukan prinsipalnya.
Seksyen 21	: Menawarkan / menerima / meminta suapan kepada pegawai badan awam sebagai dorongan atau upah.
Seksyen 23	: Mana-mana pegawai badan awam yang menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk apa-apa suapan , sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya.
Seksyen 25 (1) dan (2)	: Mana-mana orang yang diberi, dijanjikan, atau ditawarkan suapan hendaklah melaporkan pemberian, janji atau tawaran itu, berserta dengan nama, jika diketahui, orang yang memberi, menjanjikan atau menawarkan suapan itu kepadanya kepada pegawai SPRM. Gagal melapor pemberian, janji atau tawaran rasuah tanpa alasan munasabah. Boleh dijatuhi hukuman; denda tidak lebih RM100,000.00 dan Penjara tidak lebih sepuluh (10) tahun atau kedua-duanya sekali.
Seksyen 25 (3) dan (4)	: Mana-mana orang gagal melapor permintaan atau memperoleh rasuah tanpa alasan munasabah. Boleh dijatuhi hukuman; denda tidak lebih RM10,000.00 atau penjara tidak lebih dua (2) tahun atau kedua-duanya sekali.

7.0 KESALAHAN - KESALAHAN DI BAWAH PERUNTUKAN AKTA AMLATPUAA 2001 (AKTA 613)

Seksyen / Akta		Kesalahan
Seksyen 4 (1)	:	<p>Seseorang telah membuat kesalahan pengubahan wang haram dengan melibatkan diri, menerima atau menggunakan, membawa masuk ke dalam Malaysia atau menyembunyikan sumber kepada hasil daripada aktiviti haram.</p> <p>Jika disabit kesalahan, boleh dihukum penjara tidak melebihi lima belas (15) tahun atau boleh didenda tidak kurang daripada lima (5) kali ganda jumlah hasil daripada aktiviti haram itu atau didenda RM5,000,000.00 yang mana lebih tinggi.</p>
Seksyen 4A	:	<p>Tiada sesiapa pun dibenarkan untuk mengatur sebarang transaksi bagi mengelak institusi pelapor melaporkan kepada pihak berkuasa yang berwibawa bahawa terdapat transaksi yang melebihi jumlah tertentu.</p> <p>Jika disabit kesalahan, boleh didenda tidak lebih daripada lima (5) kali ganda jumlah agregat transaksi itu, atau dipenjarakan tidak melebihi tujuh (7) tahun, atau kedua-duanya sekali.</p>
Seksyen 28B	:	<p>Seseorang telah membuat kesalahan jika gagal mengisytiharkan amaun wang tunai atau instrumen boleh niaga pembawa (contoh: cek) yang melebihi nilai yang ditetapkan kepada pihak berkuasa berwibawa.</p>

		Jika disabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM3,000,000.00 atau dipenjarakan tidak melebihi lima (5) tahun atau kedua-duanya sekali.
Seksyen 28F (4)	:	<p>Seseorang telah membuat kesalahan jika membuat perisyiharan palsu, tidak tepat atau tidak lengkap berkenaan amaun wang tunai, instrumen boleh niaga pembawa yang melebihi nilai yang ditetapkan.</p> <p>Jika disabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM3,000,000.00 atau dipenjarakan tidak melebihi lima (5) tahun atau kedua-duanya sekali.</p>
Seksyen 86A	:	<p>Jika seseorang cuba melakukan jenayah bawah Akta ini, membantu merancang atau berkomplot boleh dihukum dengan sewajarnya mengikut Kanun Keseksaan.</p>
Seksyen 89	:	<p>Seseorang telah membuat kesalahan jika dengan sengaja mengubah, menyembunyikan atau memusnahkan dokumen yang diperlukan di bawah Akta ini, atau menggunakan dokumen palsu.</p> <p>Jika sabit kesalahan, boleh didenda sehingga RM3,000,000.00 atau dipenjara maksimum lima (5) tahun atau kedua-duanya sekali atau didenda RM3,000.00 bagi setiap hari jenayah itu berterusan.</p>

 PDT PERMODALAN DARUL TA'ZIM	POLISI ANTIRASUAH DAN PENGUBAHAN WANG HARAM		
	No. Dokumen : PDT.LSI.IGD.600-3/2/3	Isu No. : Versi 2.0	
	Tarikh Kuatkuasa : 01/01/2024		Mukasurat 16 / 20

8.0 PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT DAN MAKLUMAT

- 8.1 Sebarang maklumat dalaman aduan dan identiti pemberi maklumat adalah menjadi rahsia di antara pemberi maklumat dan penerima maklumat.
- 8.2 Butiran lanjut adalah sepertimana dalam **Polisi Pemberi Maklumat** (“*Whistleblower Policy*”).

9.0 SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH

- 9.1 Syarikat komited untuk memastikan sistem pengurusan antirasuah adalah efektif, bersepadau dan komprehensif dengan memastikan IGD PDT melaksanakan Fungsi Teras IGU dengan bebas tanpa sebarang halangan.
- 9.2 Bagi tujuan tersebut, berikut adalah mekanisme yang akan dilaksanakan di peringkat Syarikat:
 - a) **Pengurusan Risiko Rasuah / Corruption Risk Management (CRM)**
 - i. CRM merupakan alat pengurusan (*Management Tool*) untuk mengenal pasti dan menangani isu-isu risiko rasuah dengan menghasilkan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah dan mewujudkan sebuah sistem pengurusan yang bercirikan antirasuah dan mendukung nilai integriti.
 - ii. Ia juga merupakan salah satu mekanisme kawalan dalaman untuk mengesan perlakuan rasuah dalam sesebuah organisasi untuk membantu merangka strategi serta membangunkan pelan tindakan / mitigasi secara proaktif.

 PDT PERMODALAN DARUL TA'ZIM	POLISI ANTIRASUAH DAN PENGUBAHAN WANG HARAM	
	No. Dokumen : PDT.LSI.IGD.600-3/2/3	Isu No. : Versi 2.0
	Tarikh Kuatkuasa : 01/01/2024	Mukasurat 17 / 20

b) Pelan Antirasuah Organisasi / *Organizational Anti-Corruption Plan (OACP)*

- i. Pembangunan OACP adalah satu inisiatif di bawah strategi 6: Memupuk Tadbir Urus Baik Dalam Entiti Korporat, Pelan Antirasuah Nasional (NACP). Pelan ini dibangunkan bertujuan untuk menangani isu dan kelemahan tadbir urus, integriti dan antirasuah dalam organisasi.
- ii. Objektif pembangunan OACP adalah:
 - Menyediakan hala tuju dan kerangka tindakan pencegahan rasuah yang berstruktur dan jelas.
 - Mewujudkan sinergi antara perlbagai organisasi dalam memaksimumkan penggunaan perlbagai sumber dan idea.
 - Mengurangkan amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.
 - Meningkatkan imej Syarikat bebas rasuah dan berintegriti.

c) Sistem Pengurusan Antirasuah MS ISO 37001:2016 *Anti-Bribery Management System (ABMS)*

- i. ABMS merupakan rangka kerja bagi mengesan dan mencegah perlakuan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam organisasi.
- ii. Piawaian yang digariskan dalam ABMS meliputi perkara berikut:
 - Polisi, prosedur dan kawalan antirasuah;

- Komitmen, penglibatan dan tanggungjawab pengurusan tertinggi;
- Penyeliaan Badan Tadbir Urus;
- Kesedaran dan latihan antirasuah;
- Penilaian risiko;
- Usaha wajar ke atas rakan perniagaan dan projek; dan
- Semakan pengurusan, tindakan pembetulan dan penambahbaikan yang berterusan.

d) Penambahbaikan Governans

- i. Penambahbaikan governans melibatkan proses menilai, memeriksa dan mengenal pasti kelemahan dalam struktur, amalan, sistem dan tatacara dalam organisasi bagi menutup ruang dan peluang berlakunya salah laku jenayah rasuah, konflik kepentingan, pelanggaran etika dan tata kelakuan, dasar serta peraturan yang berkuat kuasa.
- ii. Memastikan Kakitangan mematuhi Polisi dan segala prosedur yang berkaitan dengan Sistem Pengurusan Antirasuah kearah penambahbaikan berterusan.

10.0 MEKANISME PENYELARASAN, PEMANTAUAN & PENILAIAN PELAN ANTIRASUAH KUMPULAN PDT

10.1 Penyelarasan

- i. JAI akan menyelaras pelaksanaan inisiatif-inisiatif di bawah Pelan Antirasuah Kumpulan PDT.

10.2 Pemantauan

- i. Menetapkan objektif pelaksanaan Pelan Antirasuah Kumpulan PDT;
- ii. Memadankan objektif dengan sumber serta inisiatif-inisiatif yang akan dilaksanakan di bawah Pelan Antirasuah Kumpulan PDT;
- iii. Membuat perbandingan di antara dapatan penilaian risiko rasuah dengan sasaran penurunan risiko rasuah melalui pengumpulan data yang kerap;
- iv. Membincangkan segala kekangan atau cabaran dalam pelaksanaan inisiatif-inisiatif di bawah Pelan Antirasuah Kumpulan PDT; dan
- v. Membentangkan Laporan Prestasi Pelan Antirasuah Kumpulan PDT kepada JAI setiap suku tahun.

10.3 Penilaian

- i. Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan setiap inisiatif yang dilaksanakan;
- ii. Menilai sama ada inisiatif yang menyokong strategi tersebut berorientasikan matlamat yang hendak dicapai;
- iii. Memastikan bahawa inisiatif-inisiatif tersebut dilaksanakan sebagaimana yang dirancang;

- iv. Memberikan maklum balas yang bersesuaian berdasarkan situasi apabila diperlukan;
- v. Menanda aras aktiviti dan amalan terbaik; dan
- vi. Melaksanakan semakan dan penilaian semula terhadap Pelan Antirasuah Kumpulan PDT secara tahunan dari tahun 2022 sehingga 2026.

11.0 SEMAKAN POLISI DAN PROSEDUR

- 11.1 Jabatan Integriti bertanggungjawab membuat tafsiran, pentadbiran, semakan dan permohonan terhadap Polisi ini. Polisi ini akan disemak semula mengikut keperluan semasa dan undang-undang dari semasa ke semasa.
- 11.2 Sebarang pindaan terhadap Polisi ini akan menjadi efektif sebaik sahaja ianya diluluskan oleh Jawatankuasa Audit & Integriti dan diedarkan kepada Kakitangan Syarikat.
- 11.3 Sekiranya terdapat peranggahan terma dalam Polisi ini, Terma dan Syarat Syarikat serta Kod Etika dan Tatalaku Syarikat berkenaan skop yang dinyatakan dalam Polisi ini, terma dalam Polisi ini akan kekal ('prevail').

12.0 REKOD

No.	Perkara	Lokasi	Tempoh Simpanan
1.	Fail / Database LSI	Bilik Fail Sektor LSI	-

13.0 TARIKH KUATKUASA

Pindaan Polisi ini akan berkuatkuasa pada 1hb Januari 2024 selepas diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Integriti (JAI) Kali Ke-9 (Bil.2/2023).